

KESEDARAN SEJARAH KEPADA MASYARAKAT: KAJIAN TERHADAP PENERBITAN BAHAGIAN TAWARIKH DALAM *MAJALAH GURU* (1924-1929)

***HISTORICAL AWARENESS TO THE COMMUNITY: A STUDY ON THE
PUBLICATION OF BAHAGIAN TAWARIKH IN THE MAJALAH GURU
(1924-1929)***

Norlida Binti Abdul Salam¹
Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran²
Muhammad Redzuan Bin Osman³
Nang Naemah Binti Nik Dahalan⁴

¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, TAR UMT Cawangan Pahang, Kuantan, MALAYSIA
(E-mail: norlida@tarc.edu.my)

² Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA
(E-mail: sitinoraisyah@um.edu.my)

³ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, TAR UMT Cawangan Pahang, Kuantan, MALAYSIA
(E-mail: muhammad@tarc.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, MALAYSIA
(E-mail: nangnaemah@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Abdul Salam, N. B., Ngadiran, S. N. A., Osman, M. R., & Nik Dahalan, N. N. (2025). Kesedaran sejarah kepada masyarakat: Kajian terhadap penerbitan bahagian tawarikh dalam majalah guru (1924-1929). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 201 - 215.

Abstrak: Kajian ini meneliti peranan Bahagian Tawarikh dalam Majalah Guru (1924–1929) sebagai medium untuk menyemai kesedaran sejarah dalam kalangan masyarakat Melayu. Latar kajian ini berpunca daripada keperluan untuk memahami bagaimana penulisan sejarah melalui majalah berperanan sebagai alat pendidikan tidak formal dalam kalangan guru dan pelajar Melayu pada awal abad ke-20. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan dokumentasi, dengan teknik analisis kandungan terhadap rencana sejarah yang disiarkan dalam Bahagian Tawarikh. Hasil kajian mendapati bahawa penulisan Za'ba dan penulis lain dalam ruangan ini memberi penekanan kepada tokoh Islam dan sejarah tempatan sebagai satu usaha memperkuuh jati diri bangsa. Penemuan ini membuktikan bahawa media cetak Melayu berperanan dalam membina kesedaran sejarah dan menyumbang kepada proses pembentukan pemikiran kolektif masyarakat Melayu. Kajian ini memberi implikasi penting terhadap peranan bahan terbitan sejarah dalam pembangunan kurikulum serta pembinaan naratif sejarah nasional.

Kata Kunci: Majalah Guru, Bahagian Tawarikh, kesedaran sejarah, Melayu-Islam

Abstract: This study examines the role of the Tawarikh Section in *Majalah Guru* (1924–1929) as a medium for instilling historical awareness among the Malay community. The background of this study stems from the need to understand how historical writing through magazines served as an informal educational tool among Malay teachers and students in the early 20th century. This study uses library and documentation research methods, with content analysis techniques on historical articles published in the Tawarikh Section. The results of the study found that the writings of Za'ba and other writers in this column emphasized Islamic figures and local history as an effort to strengthen national identity. This finding proves that the Malay print media played a role in building historical awareness and contributing to the process of forming the collective thinking of the Malay community. This study has important implications for the role of historical publications in curriculum development and the construction of national historical narratives.

Keywords: History Section, historical awareness, Malay-Islam

Pengenalan

Kewujudan pelbagai majalah Melayu, termasuk yang diusahakan oleh golongan guru Melayu, telah membuka medan perbincangan yang luas berkaitan pelbagai isu yang dihadapi oleh masyarakat Melayu secara umum. Kebanyakan akhbar dan majalah Melayu yang diterbitkan sekitar awal abad ke-20 hingga sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1941 banyak memuatkan penulisan berunsur sejarah. Secara umumnya, masih ramai yang tidak menyedari bahawa akhbar dan majalah yang muncul pada era tersebut sebenarnya merupakan sumber penting yang boleh dijadikan rujukan oleh para sejarawan dalam memahami sejarah tanah air (Kim, 1979). Sebagai salah satu sumber dalam kajian sejarah, akhbar dan majalah memainkan peranan penting dalam memetakan gambaran masa lalu serta latar masyarakat ketika itu, terutamanya apabila tiada sumber lain yang mampu menjelaskan situasi tertentu secara mendalam (Nyan, 2009).

Tujuan utama penerbitan *Majalah Guru* ini ialah untuk menggalakkan supaya guru-guru bekerjasama dalam negeri masing-masing supaya mendapat persamaan dalam segala perkara berkaitan dengan kurikulum sekolah, memajukan pelajaran di sekolah Melayu, juga bertujuan untuk membincangkan segala kerumitan yang berlaku diantara guru-guru mengenai jawatan dan pekerjaan masing-masing. Ruangan ‘Rencana Pengarang’ dalam *Majalah Guru* pada keluaran pertamanya juga telah menyebut bahawa kemunculan majalah ini bukanlah untuk mengaut keuntungan:

“...timbulnya *Majalah Guru* pada tahun 1924 di Seremban bukanlah bertujuan hendak bermula dan mendapat keuntungan sebagaimana yang terjadi kepada majalah-majalah yang lain. *Majalah Guru* adalah satu-satunya majalah secara langsung menjadi alat kepada persekutuan guru-guru dan kepada guru-guru untuk mengeluarkan fikiran-fikiran, teguran-teguran, nasihat-nasihat untuk memperjuangkan nasib bangsa dan Bahasa Melayu...”

(Ahmad, 1966; *Majalah Guru*, 1924).

Majalah Guru muncul sebagai sebuah majalah yang bukan sahaja memperkatakan keperihalan pengajaran dan pembelajaran, malah mencakupi pelbagai isu sezaman yang berkaitan dengan pemasalahan sosial, politik dan ekonomi orang-orang Melayu. Umumnya, ramai yang tidak mengetahui bahawa pada masa ini juga telah wujudnya kesedaran sejarah oleh masyarakat

Melayu (Ahmad, 1966). Selain itu, rencana yang termuat dalam majalah ini, yang diterbitkan oleh persatuan mereka sendiri, turut tersiar dalam akhbar serta majalah tempatan.

Dalam konteks ini, *Majalah Guru* muncul sebagai platform penting yang mencerminkan pemikiran golongan intelektual Melayu, khususnya para guru. Golongan ini bukan sahaja memainkan peranan dalam bidang pendidikan, malah menjadi agen penting dalam menyebarkan nilai-nilai sejarah, budaya dan identiti bangsa melalui penulisan. Majalah ini, khususnya melalui ruangan Bahagian Tawarikh, telah memberi ruang kepada penulis seperti Za'ba untuk menyampaikan naratif sejarah yang bersifat membina kesedaran kebangsaan dan keagamaan.

Bagi mengukuhkan analisis, kajian ini menggunakan kerangka teori "kesedaran sejarah" sebagaimana yang dikemukakan oleh Jörn Rüsen. Teori ini menekankan bahawa kesedaran sejarah merupakan satu bentuk refleksi terhadap masa lalu yang digunakan untuk memahami masa kini dan merancang masa

depan. Menurut Rüsen (2005), kesedaran sejarah terdiri daripada empat bentuk naratif utama: tradisional (pengekalan warisan), teladan (pengajaran moral dari masa lalu), kritis (penilaian dan cabaran terhadap naratif lama), dan genetik (pemahaman sejarah sebagai proses perubahan berterusan). Setiap bentuk naratif ini mencerminkan cara masyarakat memberi makna kepada masa lalu mereka untuk membentuk jati diri dan hala tuju. (Rüsen, 2005).

Tambahan pula, pendekatan komunikasi massa turut diaplikasikan dalam memahami bagaimana wacana sejarah disebarluaskan kepada masyarakat. Media cetak, khususnya majalah seperti *Majalah Guru*, berperanan sebagai saluran komunikasi yang membolehkan pelbagai naratif sejarah diangkat dan disebarluaskan. Ini menjadikan media cetak sebagai alat penting dalam pembinaan kesedaran kolektif masyarakat, terutamanya dalam kalangan pendidik dan pelajar.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah penyelidikan perpustakaan dan dokumentasi. Fokus kajian ialah pada kandungan Bahagian Tawarikh dalam *Majalah Guru* yang diterbitkan dari tahun 1924 hingga 1929. Rencana-rencana yang dianalisis dipilih berdasarkan kekerapan penerbitan, keterlibatan tokoh penting seperti Za'ba, serta topik yang menyentuh aspek sejarah Islam dan sejarah bangsa Melayu. Teknik analisis kandungan digunakan secara manual melalui pembacaan intensif dan pengekodan tema-tema utama yang berulang dalam kandungan tersebut. Tema-tema yang dikesan seterusnya dianalisis dari sudut sejarah dan wacana ideologi untuk menilai potensi teks tersebut dalam membina kesedaran sejarah dalam kalangan masyarakat Melayu.

Pemilihan tempoh 1924-1929 pula dibuat berdasarkan faktor sejarah dan signifikan penerbitan *Majalah Guru* sebagai salah satu platform pendidikan awal bagi guru Melayu. Tempoh ini juga merupakan fasa awal gerakan intelektual Melayu sebelum kemunculan media bercorak nasionalis yang lebih meluas pada dekad 1930-an. Kajian ini tidak menggunakan sebarang instrumen pengukuran kuantitatif kerana tumpuan diberi kepada makna yang tersirat dalam teks dan bagaimana ia membentuk wacana sejarah yang bersifat mendidik. Kajian ini juga tidak menggunakan kaedah gabungan data daripada pelbagai sumber sebagai bentuk pengesahan silang; namun, ketepatan dan kebolehpercayaannya dipastikan melalui penilaian terhadap kesesuaian konteks sejarah, keselarasan tema, serta kekuatan hujah dan retorik dalam penulisan.

Bahagian Tawārikh (1924-1929)

Bahagian *Tawārikh* dapat dilihat sebagai suatu inisiatif awal yang signifikan dalam perkembangan tradisi pensejarahan di Tanah Melayu pada era tersebut. Kandungan penulisannya banyak menumpukan kepada tema "*Tawārikh Orang Islam yang Masyhur*", iaitu siri rencana yang disumbangkan oleh Za'ba. Gaya serta pendekatan penulisan ini mempunyai persamaan yang ketara dengan karya Syed Sheikh Al-Hadi, sahabat karib Za'ba, yang terlebih dahulu memulakan usaha penulisan seumpamanya pada tahun 1922 (Al-Hadi, 1922). Za'ba turut memiliki buku tersebut dan menjadikannya model bagi penulisan beliau di dalam ruangan *Tawārikh* di dalam *Majalah Guru*.

Walaupun konsep sejarahnya bersifat tradisional iaitu menurut Adnan Hj. Nawang, akan tetapi bagi penulis, maklumat yang terkandung di dalamnya penting kerana kurangnya pengetahuan sejarah dalam kalangan masyarakat Melayu ketika itu. Ini mungkin satu strategi Za'ba bagi mendekatkan para pembaca, khususnya golongan pelajar dan guru Melayu kepada sejarah keagungan Islam (Kim, 1979). *Majalah Guru* telah memperuntukkan satu ruangan khusus untuk dimuatkan rencana-rencana berbentuk sejarah. Ruangan itu dinamakan Bahagian *Tawārikh* atau Bahagian Tarikh. Selama lima tahun penerbitannya, hampir setiap pengeluaran *Majalah Guru* telah memuatkan berbagai rencana yang berbentuk sejarah.

Berikut merupakan tajuk-tajuk yang terdapat diruangan *Tawārikh* didalam *Majalah Guru* yang belum dibahagikan mengikut tema-tema penulisan tetapi hanya mengikut urutan pengeluran mengikut tahun. Penyenaraian ini hanya dibataskan pada dekad 20-an sahaja memandangkan kajian penulis hanya untuk tempoh penerbitan *Majalah Guru* pada tahun 1924-1929. (Kim, 1979)

Jadual 1: Tahun 1924

Bil.	Tarikh	Tajuk	Penulis	Hlm.
1.	1 Nov	Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris	Mohd Yusuf Bin Ahmad	12-13
2.	1 Dis	Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris	Mohd Yusuf Bin Ahmad	32-33

Sumber: *Majalah Guru*. 1924-1929

Jadual 2: Tahun 1925

Bil.	Tarikh	Tajuk	Penulis	Hlm.
1.	1 Jan	Tarikh Manusia	Za'ba	15-18
2.	1 Feb	Ruangan Cerita Negeri-negeri Melayu	Muhd Yusuf Bin Ahmad	18-19
3.	1 Mac	Ringkasan Tarikh Beberapa Orang Dahulu Kala yang Kenamaan Pada Medan Fikiran dan Layanannya	Za'ba	47-50
4.	1 Apr	<i>Tawārikh</i> Bangsa Melayu (Kedatangan Orang-orang Melayu Sumatera)	Za'ba	73-75
5.	1 Mei	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur	Za'ba	92-95
6.	1 Jun	Tarikh Bangsa Melayu (Melaka dengan Ugama Islam)	Za'ba	110-113

7.	1 Jul	Tarikh Hidup Setengah daripada Orang-orang Islam	Za'ba	125-129
8.	1 Ogos	Tarikh Bangsa Melayu (Kedatangan Orang Portugis)	Za'ba	151-153
9.	1 Sept	Tarikh Hidup Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur	Za'ba	169-171
10.	1 Okt	Tarikh Bangsa Melayu (Kekuasaan Belanda Pula Naik)	Za'ba	187-189
11.	1 Nov	Tarikh Hidup Setengah Daripada Orang Islam yang Masyur	Za'ba	207-210
12.	1 Dis	Tarikh Bangsa Melayu (Kuasa British dalam Negeri-negeri Selat)	Za'ba	227-229

Sumber: Majalah Guru. 1924-1929

Jadual 3: Tahun 1926

Bil	Tarikh	Tajuk	Penulis	Hlm.
1	1 Jan	Tarikh Bangsa Melayu	Za'ba	12-15
2	1 Feb	Tarikh Bangsa Melayu (Perhubungan British dengan Negeri-negeri Melayu)	Za'ba	27-30
3	1 Mac	Setengah daripada Orang-orang Islam Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	47-49
4	1 Apr	Tarikh Bangsa Melayu	Za'ba	66-69
5	1 Mei	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	89-92
6	1 Jun	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	106-110
7	1 Jul	Tawarikh Tanah Melayu (Bangsa Asli dan Melayu)	Za'ba	125-127
8	1 Ogos-Sept	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul) dan Tawarikh Tanah Melayu (Bangsa Asli dan Melayu)	Za'ba	146-152
9	1 Okt	Tawarikh Tanah Melayu (Bangsa-bangsa Asli dan Melayu)	Za'ba	185-189
10.	1 Nov	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	208-210
11.	1 Dis	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	226-229

Sumber: Majalah Guru. 1924-1929

Jadual 4: Tahun 1927

Bil.	Tarikh	Tajuk	Penulis	Hlm.
1.	1 Jan	Bekas Lama-lama di Tanah Melayu	Za'ba	6-9
2.	1 Feb	Bekas Lama-lama di Tanah Melayu	Za'ba	26-29
3.	1 Mac	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	50-51
4.	1 Apr	Tawarikh Negeri Melayu Masing-masing	Za'ba	68-71
5.	1 Mei	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	86-91
6.	1 Jun	Tawarikh Negeri Melayu Masing-masing	Za'ba	105-108
7.	1 Jul	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	128-131
8.	1 Ogos	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	143-146
9.	1 Sept	-	-	-
10.	1 Okt	Orang-orang yang Masyur-masyur di Tanah Melayu	Za'ba	187-190
11.	1 Nov	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	206-208
12.	1 Dis	Orang-orang Masyur Tanah Melayu	Za'ba	227-230

Sumber: Majalah Guru. 1924-1929

Jadual 5: Tahun 1928

Bil.	Tarikh	Tajuk	Penulis	Hlm.
1.	1 Jan	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	6-10
2.	1 Feb	Tarikh Dunia yang Ringkas	Adam b Haji Ibrahim	31-32
3.	1 Mac	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	43-47
4.	1 Apr	Orang-orang Masyur Tanah Melayu	Za'ba	75-77
5.	1 Mei	Orang-orang Masyur Tanah Melayu	Za'ba	86-87
6.	1 Jun	Orang-orang Masyur Tanah Melayu	Za'ba	104-105
7.	1 Jul	Negeri Sembilan Asli	Komar	125-126
8.	1 Ogos	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	145-147
9.	1 Sept	Nama-nama Masyur yang Selalu Tersebut dalam Kitab-kitab Tarikh Melayu	Za'ba	169-171
10.	1 Okt	Nama-nama Masyur yang Selalu Tersebut dalam Kitab-kitab Tarikh Melayu	Za'ba	184-187

11.	1 Nov	Nama-nama Masyur yang Selalu Tersebut dalam Kitab-kitab Tarikh Melayu	Za'ba	205-207
12.	1 Dis	-	-	-

Sumber: Majalah Guru. 1924-1929

Jadual 6: Tahun 1929

Bil.	Tarikh	Tajuk	Penulis	Hlm.
1.	1 Jan	Nama-nama Masyur yang Kerap Tersebut dalam Hikyat-hikayat Melayu	Za'ba	12-14
2.	1 Feb	Nama-nama Masyur yang Kerap Tersebut dalam Hikyat-hikayat Melayu	Za'ba	30-32
3.	1 Mac	Sedikit Riwayat Negeri Aceh	Za'ba	57-58
4.	1 Apr	Nama-nama Masyur yang Kerap Tersebut dalam Hikyat-hikayat Melayu	Za'ba	65-68
5.	1 Mei	-	-	-
6.	1 Jun	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	115-117
7.	1 Jul	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Z'ba	133-136
8.	1 Ogos	-	-	-
9.	1 Sept	-	-	-
10.	1 Okt	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	192-195
11.	1 Nov	Riwayat Buddha	Za'ba	210-211
12.	1 Dis	<i>Tawārikh</i> Hidup Confucius	Za'ba	223-225

Sumber: Majalah Guru. 1924-1929

Dapatkan Kajian

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa Bahagian Tawarikh dalam *Majalah Guru* memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran sejarah dalam kalangan masyarakat Melayu melalui penekanan kepada empat tema utama: tokoh Islam, sejarah bangsa Melayu, tokoh dunia, dan pemikiran sejarah yang bersifat simbolik serta kritikal.

a) Sejarah Tokoh Islam

Penekanan kepada tokoh-tokoh Islam seperti ulama-ulama usul yang dimuatkan dalam siri "Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyhur" memberi pendedahan awal kepada pembaca terhadap kepentingan ilmu, akhlak dan perjuangan dalam sejarah Islam. Penulisan ini mengangkat tokoh sebagai contoh teladan dan pengukuhan identiti Islam dalam kalangan masyarakat Melayu. Ini merupakan satu bentuk naratif sejarah yang berbentuk nasihat dan pedoman kepada masyarakat. Melalui karya ini, pembaca dapat memahami bagaimana peranan individu-individu tersebut dalam memperjuangkan prinsip-prinsip Islam serta menyumbang kepada perkembangan tamadun umat. Selain itu, kisah-kisah yang dipaparkan turut mengetengahkan nilai-nilai murni seperti keberanian, keikhlasan, dan ketabahan dalam menempuh cabaran. Justeru, siri ini bukan sahaja berfungsi sebagai sumber rujukan sejarah

tetapi juga sebagai inspirasi kepada generasi masa kini untuk mencontohi keunggulan tokoh-tokoh terdahulu.

b) Sejarah Bangsa Melayu

Rencana seperti “Tarikh Bangsa Melayu (Melaka dengan Ugama Islam)” dan “Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris” pula menekankan sejarah tempatan dan pengalaman penjajahan. Kedua-dua rencana ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai perubahan sosio-politik yang berlaku di Tanah Melayu, khususnya ketika berlakunya proses penjajahan oleh kuasa Barat. Melalui penceritaan yang mendalam, pembaca misalnya dapat memahami bagaimana perkembangan agama Islam di Melaka mempengaruhi pembentukan identiti Melayu serta peranan agama dalam mengukuhkan jati diri masyarakat tempatan. Selain itu, rencana tentang negeri-negeri Melayu yang ditakluk oleh Inggeris turut memberi tumpuan kepada perubahan pentadbiran dan kesan langsung terhadap struktur sosial serta ekonomi masyarakat. Oleh itu, rencana-rencana ini bukan sahaja berfungsi sebagai dokumen sejarah tetapi juga sebagai cerminan perjuangan dan daya tahan bangsa Melayu dalam menghadapi cabaran penjajahan. Ini memberikan peluang kepada masyarakat untuk menilai kembali sejarah bangsa mereka dari perspektif yang lebih kritikal, sekaligus mencabar naratif penjajah. Penulisan ini secara tidak langsung memupuk kesedaran terhadap jati diri dan hak sebagai bangsa yang memiliki warisan dan sejarah tersendiri.

c) Tokoh Dunia dan Sejarah Perbandingan

Bahagian Tawarikh turut memuatkan rencana tentang tokoh-tokoh dunia seperti Confucius, Buddha, dan Alexander the Great. Melalui pengenalan terhadap tokoh-tokoh ini, pembaca dapat melihat bagaimana pemikiran, falsafah, dan kepimpinan mereka telah memberikan impak yang besar dalam pembentukan tamadun manusia. Confucius, misalnya, dikenali sebagai ahli falsafah yang mengutamakan nilai moral dan etika dalam kehidupan masyarakat, manakala Buddha membawa ajaran ketenangan dan pencerahan dalam menghadapi kehidupan yang penuh penderitaan. Sementara itu, Alexander the Great pula tersohor sebagai panglima perang yang berjaya menakluk wilayah yang luas serta menyatukan pelbagai budaya dalam empayar yang dibinanya. Dengan menggabungkan kisah tokoh-tokoh dari pelbagai latar budaya ini, Bahagian Tawarikh memberikan perspektif global tentang pengaruh kepimpinan, ajaran falsafah, dan perjalanan hidup individu yang berjaya mencipta perubahan besar dalam sejarah dunia. Hal ini bukan sahaja memperkayakan pemahaman pembaca tentang peranan individu dalam sejarah, malah memberi inspirasi mengenai kepimpinan dan perjuangan yang boleh dicontohi. Pendekatan ini memperlihatkan keterbukaan pemikiran penulis seperti Za'ba dalam memperluas horizon pembaca agar mampu menilai sejarah bukan sahaja dalam ruang lingkup keagamaan atau kebangsaan semata-mata, malah dari sudut global dan peradaban lain. Ia juga membantu mewujudkan kesedaran sejarah perbandingan dalam kalangan pembaca.

d) Simbolisme dan Naratif Kebangsaan

Gaya penulisan Za'ba turut menonjolkan unsur retorik dan simbolisme yang menyelitkan semangat kebangsaan. Penulisan beliau mengandungi mesej tersirat tentang perjuangan, kejatuhan dan kebangkitan bangsa. Teks-teks ini wajar dibaca sebagai satu bentuk wacana sejarah yang bukan sahaja mendidik, tetapi juga mencetuskan kesedaran kolektif terhadap nasib dan masa depan bangsa Melayu. Contohnya, dalam sebuah artikel, Za'ba menulis:

“Jikalau bangsa kita suka tidur, malas belajar, dan tidak hendak mengenal dunia dan isinya, maka bangsa itu tidaklah akan bangkit selama-lamanya.”

(Majalah Guru, 1925)

Petikan ini mengandungi simbolisme yang mendalam—'tidur' di sini mewakili kejumudan atau ketidakpekaan terhadap ilmu dan perubahan zaman. Seruan ini menggambarkan usaha halus Za'ba membangkitkan kesedaran nasional dalam kalangan pembaca. Begitu juga dengan petikan berikut:

"Bangsa yang tidak menulis sejarahnya sendiri akan ditulis oleh bangsa lain, dan sejarah itu akan menjadi senjata untuk menaklukkannya secara halus."

(*Majalah Guru*, 1928)

Pernyataan ini menggambarkan naratif kebangsaan yang mendalam, menekankan pentingnya bangsa Melayu menulis sejarah mereka sendiri sebagai langkah mempertahankan jati diri dan maruah. Ini selaras dengan pandangan Rüsen (2005) bahawa naratif sejarah juga memainkan peranan dalam membina kesedaran kebangsaan yang bersifat reflektif dan mempersiapkan masyarakat menghadapi masa depan. Tambahan pula, sejarah bukan sekadar catatan peristiwa, tetapi juga merupakan refleksi identiti, jati diri, dan naratif yang membentuk persepsi generasi akan datang tentang sesuatu bangsa. Apabila sebuah bangsa gagal menulis sejarahnya sendiri, mereka menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak luar yang mungkin tidak memahami atau sengaja memanipulasi fakta mengikut kepentingan mereka.

Fenomena ini dapat dilihat daripada sejarah penjajahan di mana kuasa kolonial mencatatkan sejarah tanah jajahan berdasarkan perspektif mereka sendiri. Sebagai contoh, penjajah Barat di Alam Melayu sering menggambarkan penduduk tempatan sebagai bangsa yang tidak berilmu dan mundur, justeru memerlukan campur tangan mereka dalam mentadbir dan memodenkan kawasan tersebut Andaya (2017). Melalui penulisan sejarah seperti ini, penjajah secara halus memperkuatkkan kedudukan mereka sebagai "penyelamat" dan "pembangun" walaupun pada hakikatnya mereka mengeksplorasi sumber asli dan tenaga buruh tempatan (Thomas dan Thompson, 2014).

Kesan daripada sejarah yang ditulis oleh bangsa asing ini bukan sahaja merosakkan imej bangsa tersebut tetapi juga menjadikan masyarakat tempatan memandang rendah terhadap warisan dan kebudayaan sendiri dalam jangka masa yang panjang. Akibatnya, generasi muda mungkin akan merasa terasing daripada akar budaya mereka sendiri kerana naratif sejarah yang berat sebelah dan menggambarkan ketidakupayaan bangsa dalam mengurus tadbir tanah air sendiri.

Selain itu, sejarah yang ditulis oleh bangsa lain boleh menjadi senjata ideologi yang memupuk rasa rendah diri dan ketergantungan terhadap kuasa luar. Hal ini boleh dilihat dalam cara penjajah mengagung-agungkan kebudayaan mereka sambil meremehkan kebudayaan tempatan, sehingga masyarakat terjajah merasa bahawa mereka hanya akan maju jika mengadaptasi nilai-nilai penjajah (Ashcroft et al., 2013). Naratif ini mencetuskan penjajahan minda yang lebih parah dan sukar dilepaskan walaupun penjajahan fizikal telah berakhir.

Oleh itu, menulis dan mendokumentasikan sejarah sendiri merupakan tanggungjawab penting bagi setiap bangsa. Ia bukan sahaja memastikan ketulenan naratif tetapi juga menjadi benteng kepada identiti nasional. Dalam konteks moden, penghasilan karya sejarah yang objektif, tepat, dan berdasarkan kajian terperinci perlu diutamakan agar sejarah tidak lagi dijadikan alat manipulasi oleh pihak luar.

Secara keseluruhannya, dapatkan menunjukkan bahawa Bahagian Tawarikh bukan sekadar ruangan maklumat sejarah, tetapi merupakan medan pembentukan minda, nilai dan jati diri

masyarakat Melayu yang sedang menghadapi cabaran penjajahan dan perubahan sosial yang pesat pada era tersebut. Ini dapat dilihat melalui bukti-bukti langsung dalam rencana seperti:

“Sungguhpun beberapa banyak negeri-negeri besar-besar di dunia ini telah lama berkuasa, tetapi tidaklah semuanya dapat tinggal kekal selama-lamanya...”

(*Majalah Guru*, 1926, hlm. 46)

Ini menunjukkan sifat sejarah yang sentiasa berubah serta menanamkan kesedaran kepada pembaca bahawa kejatuhan dan kebangkitan sesebuah bangsa bergantung kepada kekuatan ilmu, akhlak dan ketamadunan. Dalam hal ini, sejarah kejatuhan empayar besar telah mengajarkan kepada kita bahawa kekuasaan tanpa pembaharuan dan adaptasi terhadap perubahan akan mudah musnah. Kerajaan yang terlalu yakin dengan kedudukan mereka cenderung untuk mengabaikan pembaharuan politik dan ekonomi yang diperlukan untuk memastikan kelangsungan. Misalnya, Dinasti Qing di China gagal menyaingi kebangkitan kuasa Barat kerana enggan menerima perubahan teknologi dan reformasi sosial, menyebabkan kejatuhan pada awal abad ke-20 (Spence, 1990).

Justeru pernyataan ini menggariskan realiti bahawa kekuasaan dan kehebatan sesuatu negeri bukanlah jaminan keabadian. Oleh itu, penting bagi sesebuah negara untuk sentiasa belajar daripada sejarah dan tidak terlalu selesa dengan kekuatan yang dimiliki, kerana kekuasaan tanpa kebijaksanaan pasti akan lenyap. Selain itu, dalam artikel bertajuk *Tarikh Bangsa Melayu*, penulis menyatakan:

“Bangsa yang tidak tahu akan asalnya, nescaya akan hilang punca dan tidak kenal akan dirinya sendiri.”

(*Majalah Guru*, 1927)

Petikan secara langsung menyeru agar masyarakat Melayu mempelajari sejarah mereka untuk memperkuuh identiti bangsa. Dalam konteks yang lebih luas, sejarah dan asal-usul juga memainkan peranan penting dalam memelihara solidariti masyarakat. Hal ini misalnya dapat dilihat dalam tradisi masyarakat Jepun yang menghargai tradisi samurai dan ajaran Bushido sebagai elemen penting dalam pembentukan etika kerja dan nasionalisme. Kesedaran akan sejarah akhirnya telah dapat membantu masyarakat Jepun mempertahankan keutuhan budaya walaupun mengalami pemodenan yang pesat (Harootunian, 2000). Justeru, hal yang sama inilah juga yang ingin dibawakan dalam penulisan di Bahagian Tawarikh iaitu membawa mesej pembinaan jati diri dan nasionalisme secara halus melalui naratif sejarah (Ahmad, 1966; Rüsen, 2005). yang sedang menghadapi cabaran penjajahan dan perubahan sosial yang pesat pada era tersebut.

Kepentingan Sejarah Dalam Pendidikan

Mata pelajaran Sejarah secara umumnya telah diiktiraf dalam dunia pendidikan sebagai satu cabang ilmu dalam bidang sains sosial. Pada masa kini, pengajaran subjek ini merangkumi hampir semua peringkat pendidikan, sama ada di sekolah rendah, menengah mahupun institusi pengajian tinggi. Sebagai asas pendidikan yang penting untuk semua peringkat dan lapisan masyarakat, kepentingan mata pelajaran Sejarah merupakan suatu hakikat yang tidak dapat disangkal lagi.

Umumnya, sebilangan besar daripada kita tidak mengetahui bahawa telah wujud mata pelajaran sejarah semasa perang dunia pertama lagi (Kim, 1979). Walau bagaimanapun,

pelajaran sejarah ini disebut mata pelajaran Tawarikh pada ketika itu. Tawarikh sebagai satu mata pelajaran, diasingkan daripada subjek kesusasteraan telah diperkenalkan pada tahun 1918 di Maktab Melayu Melaka, iaitu sebuah maktab perguruan yang bukan hanya mendahului Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjong Malim bahkan beberapa orang kelulusan Maktab Melayu Melaka adalah pensyarah yang amat berpengaruh di MPSI (atau lebih dikenali sebagai SITC pada awal penubuhannya) (Kim & Adam, 1977).

Pada tahun 1916, pemerintahan Inggeris telah melantik R.O Winstedt sebagai Penolong Pengarah Pelajaran yang bertugas untuk sekolah-sekolah. Beliau telah dihantar ke Jawa dan Filipina untuk mengkaji sistem pelajaran rakyat dan dasar pelajaran kolonial. Beliau telah mengeluarkan satu laporan iaitu Laporan Dari Mr. R.O Winstedt Penolong Pengarah Pelajaran Negeri Selat dan di Hindia Timur Belanda iaitu beliau telah melaporkan bahawa dasar Belanda menggugurkan pelajaran sejarah dari jadual waktu sekolah-sekolah rendah hendaklah diikuti (Salleh, 1974).

Bagi Winstedt, mata pelajaran Sejarah terutamanya tentang orang Melayu dalam erti sejarah tempatan adalah merbahaya kerana baginya, sejarah tempatan yang dianggap sejarah oleh masyarakat Melayu sebenarnya hanyalah cerita dongeng. Beliau mengatakan lagi bahawa untuk mengajarkan sejarah Tanah Melayu masih tidak boleh dilakukan kerana buku-buku yang ada hanyalah bukti yang belum pasti. Sejarah Melayu dan Hikayat Abdullah merupakan buku yang dianggap Winstedt tidak sesuai digunakan di sekolah Melayu walaupun untuk pelajaran bahasa Melayu (Mat, 1990). Walau bagaimanapun pada Winstedt sendiri tahun 1927, Sejarah Melayu telah digunakan untuk mata pelajaran Sejarah di samping buku Tawarikh Melayu tulisan R.O

Selain buku tulisan Winstedt, terdapat rujukan lain yang digunakan dalam proses pembelajaran sejarah. Berikut ialah rujukan yang digunakan:

- 1) *Papers On Malay Subjects* (Kim, 1973).
- 2) *Sejarah Alam Melayu (Jilid I-V)* (Salleh, 1974).

Sejarah juga diajar secara tidak langsung iaitu melalui buku-buku bacaan yang membincangkan tokoh-tokoh dalam sejarah dunia. Hanya dalam sukanan pelajaran di sekolah-sekolah dinegara ini, tokoh-tokoh itu biasanya terhad kepada mereka yang berkaitan dengan Alam Melayu seperti Iskandar Zulkarnain, Kung Fu-Tze dan Stamford Raffles, walaupun yang dipopularkan ialah kisah Yunani zaman purbakala iaitu Hercules, Zeus, Achilles dan banyak lagi (Kim, 1992).

Menurut Khoo Kay Kim lagi, tujuan subjek Sejarah diajar pada masa itu adalah bertujuan politik, namun pentingnya mata pelajaran itu juga disebabkan oleh kehendak peperiksaan. Pada tahun 1981, buat pertama kali, pelajar di Tanah Melayu mengambil Cambridge Local Examinations. Peperiksaan itu sebenarnya memberi kesan yang agak negatif kepada pembelajaran sejarah sehingga sekarang. Dimana pelajar yang mempelajari subjek Sejarah lebih mementingkan kehendak peperiksaan daripada keperluan untuk mereka memahami apa yang dipelajari (Kim, 1992).

Jika dilihat kepada sukanan pelajaran yang dinyatakan oleh Khoo Kay Kim, tidak terdapat di dalam sukanan pelajaran Sejarah pada tahun tersebut mengenai tokoh-tokoh Islam. Oleh sebab itu, penulis merasakan Za'ba cuba memperkenalkan kepada pelajar pada ketika itu dengan artikel yang dimuatkan di dalam Bahagian Tawarikh, bahawa Islam juga mempunyai tokoh-tokoh yang hebat yang perlu di ketengahkan dan ditonjolkan kepada pelajar.

Majalah Guru Dan Kesedaran Sejarah

Menurut Muhd Yusof Ibrahim, kebanyakannya isi kandungan yang termuat di dalam beberapa akhbar dan majalah Melayu yang lahir pada awal abad 20 merupakan penulisan yang berbentuk sejarah (Ibrahim, 1988). Daripada pernyataan beliau ini, penulis melihat bahawa sudah ada kesedaran masyarakat Melayu terhadap sejarah iaitu persepsi masyarakat terhadap kebaikan dan tauladan yang dapat dijadikan ikhtibar bagi masyarakat Melayu pada ketika itu.

Penulis juga berpendapat bahawa sebenarnya kesedaran ini wujud pada golongan intelelegensi Melayu pada ketika itu terutamanya golongan guru yang dianggap sebagai golongan yang berpelajaran tinggi dan dihormati. Daripada kesedaran yang wujud dalam diri golongan intelelegensi ini, maka penulisan mereka dijadikan alat sebagai pemberi kesedaran kepada masyarakat Melayu pada awal abad 20an itu. Penulisan sejarah didalam akhbar dan majalah kebanyakannya menyentuh tentang sejarah yang berunsurkan Islam, masyarakat Melayu, atau contoh negara yang maju. Kebanyakan penulisan ini mempunyai ruangan yang tersendiri yang dipanggil ‘al-tārīkh’, ‘Tawārikh’, ‘Perkhabaran’, ‘Sejarah’ dan ‘Riwayat’.

Majalah Guru ini juga terdapat pernyataan yang menunjukkan bahawa harapan penulisan sejarah yang terdapat di dalam ruangan ‘Tawārikh’ akan dijadikan teladan dan ikhtibar oleh masyarakat Melayu khususnya. Ianya telah dinyatakan lagi di dalam terbitan pertama majalah ini iaitu:

“...dan berbagai-bagailah pula cerita dan tarikh orang-orang yang termasyur supaya menjadi ikutan dan teladan...”

(Majalah Guru, 1924).

Ini menunjukkan bahawa matlamat dan tujuan para penulis di dalam ruangan ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu pada ketika itu yang leka dan degil. Kesedaran sejarah itu didorong oleh kepentingan keagamaan, kepercayaan atau peribadi. Ini bermaksud bahawa, ianya didorong atau dirangsang oleh keperluan (Ibrahim, 2009). Menurut Butterfield, 1981, kemunculan minat atau kesedaran terhadap sejarah sebagai masa lalu itu hanya boleh berlaku seiring dengan perkembangan keseluruhan sikap manusia. Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan dengan tepat masyarakat atau peradaban manakah yang mula-mula telah mengwujudkan atau menampakkan kesedaran sejarah. Namun begitu, terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa kesedaran itu muncul apabila wujudnya tulisan (Heller, 1982).

Menurut Norsiah Sulaiman, mempelajari sajarah menurut pandangan Islam merupakan suatu yang amat penting terutama dalam hal-hal yang menyentuh tentang perilaku dan tindakan Rasulullah yang menunjukkan kepada kita tentang perjalanan hidupnya yang menjadi suri teladan kepada orang Islam (Sulaiman, 2010). Kepentingan mempelajari sejarah bukan sahaja untuk memperolehi ilmu pengetahuan tentang masa lampau juga untuk lulus dalam peperiksaan, tetapi yang lebih penting lagi ialah untuk menyebarkan pengetahuan lampau itu bagi dijadikan pedoman kepada generasi kini. Ternyata anggapan Sejarah sebagai mata pelajaran ‘Dead Past’ (Chaffer & Taylor, 1975) sudah tidak relevan dengan keadaan semasa. Pendidikan Sejarah membolehkan pelajar memahami masyarakat lampau supaya mereka dapat meningkatkan kefahaman terhadap masyarakat masa kini. Tanpa sejarah, pelajar tidak akan mengetahui asal-usul mereka, malah mereka tidak dapat mengenal identiti mereka.

Kesimpulan Dan Cadangan

Penerbitan *Majalah Guru* telah memberi kesan yang signifikan kepada masyarakat Melayu bukan sahaja dari aspek pendidikan, malah turut mencorakkan pemikiran sosial, ekonomi dan semangat kebangsaan. Ia telah menjadi wadah kepada guru-guru Melayu untuk menyuarakan pandangan, memartabatkan profesion perguruan, dan mengangkat nilai sejarah melalui penulisan yang bersifat mendidik dan membina jati diri. Kewujudan Bahagian Tawarikh khususnya memperlihatkan peranan penting golongan guru sebagai penyumbang wacana sejarah alternatif pada era penjajahan.

Penulis utama seperti Za'ba telah menggunakan platform ini bukan sekadar untuk menyampaikan fakta sejarah, malah untuk mengaitkan sejarah dengan realiti masyarakat Melayu ketika itu. Hal ini bersesuaian dengan pandangan Khoo Kay Kim (2010) yang menyatakan bahawa sejarah bukanlah hak milik mutlak sejarawan profesional, malah sesiapa yang mempunyai kefahaman dan maklumat yang sah juga mampu menyumbang kepada wacana sejarah. Justeru, sumbangan Za'ba harus dilihat sebagai bentuk intelektualisme yang berakar daripada pengalaman langsung dan pemerhatian sosial:

“...Za’ba memang seorang intelektual walaupun beliau tidak mempunyai idea-idea yang begitu canggih kerana tidak terdedah kepada dunia akademik sehingga beliau berumur 50 tahun. Fahamannya tentang masyarakat Melayu berasaskan pengalaman secara langsung dengan membandingkan masyarakat Melayu dengan masyarakat Barat dan juga Cina...”

(Kim, 2010).

Kesimpulannya, bahagian Tawarikh bukan sahaja menjadi saluran maklumat sejarah, malah turut memainkan peranan sebagai ruang pembentukan naratif bangsa, jati diri, dan kesedaran sejarah kolektif. Ia membuktikan bahawa sejarah boleh digunakan sebagai medium pendidikan dan pembangunan sosial masyarakat Melayu awal abad ke-20. Kandungan yang dimuatkan, terutamanya oleh Za'ba, membawa nilai yang mampu membangkitkan semangat bangsa dan membentuk kerangka pemikiran yang kritikal dan reflektif. Kajian lanjutan boleh meneliti respons pembaca melalui sumber seperti surat pembaca, laporan guru, atau dokumentasi lain yang sezaman. Sebagai contoh, dalam satu keluaran *Majalah Guru*, terdapat surat pembaca yang mengungkapkan rasa kecewa apabila Bahagian Tawarikh tidak diterbitkan:

“...saya berasa sedikit hampa kerana dalam keluaran ini tiadalah kelihatan ruangan Tawarikh yang selalu dinantikan. Adakah ia tidak disambung lagi? Padahal dari situlah kami mendapat banyak pengajaran dan sejarah yang memberi manfaat kepada kami sebagai guru...”

(Surat Pembaca, *Majalah Guru*, 1928).

Petikan ini membuktikan bahawa Bahagian Tawarikh bukan sahaja dibaca, malah dinanti-nantikan, justeru menegaskan kepentingan dan impaknya kepada para pembaca. Perbandingan dengan majalah kontemporari lain seperti *Pengasuh*, *Saudara* dan *al-Ikhwan* juga boleh memperkaya pemahaman tentang ekosistem penerbitan sejarah Melayu pada era penjajahan.

Cadangan yang boleh diketengahkan ialah pemanfaatan artikel-artikel dalam Bahagian Tawarikh sebagai bahan sokongan dalam pengajaran sejarah di sekolah. Hal ini penting untuk menyemai nilai patriotisme dan membina pemikiran sejarah yang kritikal dalam kalangan pelajar. Pendekatan ini bukan sahaja dapat memulihkan hubungan antara warisan sejarah

tempatan dengan pendidikan semasa, malah turut memperkuuh usaha membina identiti kebangsaan yang berpaksikan sejarah bangsa sendiri.

Acknowledgement

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada TAR UMT di atas tajaan menyertai persidangan yang telah diberikan kepada kami.

Rujukan

Sumber Primer

Majalah Guru, 1924-1928

Sumber Sekunder

- Adnan Hj Nawang. (n.d.). Mengenai pengaruh buku *Al-Tarikh Al-Islam* terhadap Za'ba dalam penulisan Bahagian Tawarikh.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (2017). *A History of Malaysia* (3rd ed.). London: Palgrave Macmillan.
- Ashcroft, B., Griffiths, G., & Tiffin, H. (2013). *Post-Colonial Studies: The Key Concepts* (3rd ed.). New York: Routledge.
- Awang Had Salleh. (1974). *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Butterfield, H. (1981). *The Origins of History*. London: Eyre Muthuen Ltd.
- Chaffer, & Taylor. (1975). *History & History Teacher*. London: George Allen Ltd.
- Harootunian, H. D. (2000). *History's Disquiet: Modernity, Cultural Practice, and the Question of Everyday Life*. Columbia University Press.
- Heller, A. (1982). *A Theory of History*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Khoo, K. K. (1973). Penyelidikan, penulisan dan pengajaran sejarah tanah air untuk memupuk keperibadian Malaysia. Makalah dibentang dalam *Kongres Kebudayaan Kebangsaan*, Kuala Lumpur, 16–10 Ogos.
- Khoo, K. K. (1979). *Panji-panji Gemerlap: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Khoo, K. K. (1992). *Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo, K. K., & Adam, R. (1977). *The Malay College Malacca*. Kuala Lumpur: The New Straits Times Annual.
- Khoo, K. K., Mahmood, A. H., & Idris, M. R. (2010). Strategi kesinambungan titisan warisan Pendeta Za'ba: Peranan ahli sejarah. Dalam *Memartabatkan Warisan Pendeta Za'ba* (hlm. 100). Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Janan Ahmad. (1966). *Peranan Majallah Guru dalam Perkembangan Sastera Sa-beлом Peperangan Dunia II*. Kertas Projek, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Muhd. Yusof Ibrahim. (2009). *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd. Yusof Ibrahim. (1988). Akhbar dan majalah ditinjau dari sudut pensejarahan Melayu. Kertas kerja Seminar Akhbar dan Majalah, Bangi, 25–26 Jun.
- Norsiah Sulaiman. (2010). Pentingnya subjek sejarah dan tamadun bangsa sebagai wasilah pembentukan sikap dan jati diri dalam sistem pendidikan negara. Makalah, Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis.
- Rüsen, J. (2005). *Historiography: Between Modernism and Postmodernism*. New York: Berghahn Books.

- Siti Rodziyah Nyan. (2009). *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainun Mat. (1990). Kepentingan pelajaran sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. *Jurnal Sejarah*, 18, 10.
- Spence, J. D. (1990). *The Search for Modern China*. Norton.
- Syed Sheikh Al-Hadi. (1922). *Al-Tarikh Al-Islam*. Pulau Pinang.
- Thomas, M. & Thompson, A. (2014). “Empire and Globalisation: from ‘High Imperialism’ to Decolonisation,” *The International History Review* 36, no. 1: 142-70.